

Eratkan lagi hubungan Asean

SAMA ada ramalan Perdana Menteri Singapura, Encik Lee Kuan Yew, bahawa ikatan ekonomilah, dan bukan politik, yang menjamin kekukuhan perpaduan Asean pada jangka panjangnya hanya masa akan menentukan. Bagaimanapun, tidak slapa dapat menafikan bahawa hubungan ekonomi yang lebih rapat di antara anggota Asean bukan sahaja boleh memperkuat perpaduan malah sedikit sebanyak ia mungkin perlu untuk mengekalkan kadar pertumbuhan ekonomi rantau ini yang sedang meningkat.

Dorongan untuk ikatan lima negara ini mempererat hubungan dan kerjasama ekonomi memang ketara. Di saat ekonomi dunia mengalami pertumbuhan perdagangan yang lembab dan kemerosotan ekonomi yang berpanjangan kadar pertumbuhan ekonomi Asean secara menyeluruh terus meningkat kepada kira-kira 7 peratus tahun lalu. Dalam keadaan yang demikian kejayaan meningkatkan kerjasama ekonomi, khususnya di bidang perdagangan dan perindustrian, di samping boleh menolong kemajuan ekonomi negara-negara Asean secara individu akan turut menguntungkan pertumbuhan serantau ini.

Tetapi apa yang nyata ialah Asean bukan kurang memaham atau mengahajati peningkatan kerjasama ekonomi di antara negara-negara anggota. Hakikat bahawa langkah ini akan memperkuat perpaduan Asean dan membawa berbagai faedah kepada negara-negara anggota tidak pernah disangkal. Cuma yang masih kekurangan ialah daya usaha untuk mencapai suatu tahap kejayaan yang lebih konkrit dan bermakna.

Walaupun tidak dinafikan sebagaimana yang ditekankan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di upacara perasmian Sidang Menteri-Menteri Ekonomi Asean di Kuala Lumpur Khamis lalu bahawa Asean sudah berjaya memperbaiki kerjasama ekonomi dan pembangunannya namun masih agak ketara bahawa dari beberapa segi kejayaan ini masih perlu diperluas.

Umpamanya, walaupun jumlah nilai perdagangan di antara negara-negara Asean bertambah dari \$2.3 ribu juta pada tahun 1970 kepada \$10 ribu juta sepuluh tahun kemudian — pertambahan hampir empat kali ganda — namun jumlah perdagangan yang tertakluk kepada peruntukan Peraturan Keistimewaan Perdagangan (PTA) Asean masih amat sedikit.

Pelaksanaan Projek Perindustrian Asean juga, sekalipun memperlihatkan kemajuan — projek-projek urea di Indonesia dan Malaysia telah pun melampaui tahap perancangan awal — namun ini masih belum dapat dibanggakan. Oleh itu cita-cita menjayakan projek komplementasi industri di antara anggota Asean ini perlu diberikan perhatian yang lebih serius.

Memandangkan ini wajarlah demi kepentingan pembangunan dan perpaduan rantau ini pandangan dan cadangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, itu diberikan perhatian. Keperluan untuk memperkemas sistem organisasi urusetia Asean memang mendesak; tetapi tidak juga kurang pentingnya ialah keperluan untuk memperkuat kerjasama di bidang-bidang pemasaran, tenaga dan perkapalan. Jika kejayaan dan kekukuhan Komuniti Ekonomi Eropah terletak kepada keteguhan asas dan keluasan bidang kerjasama ekonominya maka wajarlah setiap usaha memperteguh hubungan dan kerjasama ini dipergiat.

No. Siri.

No. Pene.